



Untuk video lengkap
www.hmetro.com.my/mymetrotv

Jurugambar dimarahi keluarga mangsa

Seremban: "Jangan (ambil gambar). Bagaimana jika perkara ini terjadi kepada keluarga kamu," kata seorang lelaki dipercayai bapa remaja perempuan warga Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, yang hilang di sebuah resort di Pantai di sini, sejak Ahad lalu.

Lelaki itu juga enggan di temu bual petugas media ketika cuba didekati, sebaliknya memarahi jurugambar yang merakam gambar mereka.

Dia dilihat bersama lima individu lain dipercayai ahli keluarga mangsa diiringi seorang wanita tempatan berjalan keluar dari kawasan resort menghala ke Gunung Berembun sebelum dihampiri sekumpulan media.

Bagaimanapun, tujuan mereka ke gunung berkenaan tidak diketahui.

Kira-kira 20 petugas media tempatan dan antarabangsa berkampung di jalan masuk resort sejak awal pagi bagi mendapatkan perkembangan semasa operasi mencari dan menyelamat (SAR).

Bagaimanapun, pihak

media tidak dibenarkan masuk dan hanya boleh menunggu di pintu masuk resort.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Nor Marzukee Besar dalam satu kenyataan berkata, polis menambah kekuatan anggota dalam operasi yang memasuki hari keempat, semalam bermula seawal jam 7 pagi.



Katanya, seramai 206 pegawai dan anggota serta enam anjing dari Unit Anjing Pengesanan (K9) terlibat dalam operasi semalam.

"Operasi disertai polis, Pasukan Khas Operasi, Taktikal dan Penyelamat Malaysia (Storm) dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

"Turut serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Jabatan Perhutanan," katanya.

Nora Anne yang mempunyai masalah pembelajaran disedari oleh ahli keluarga hilang ketika menginap di resort berkenaan, jam 8 pagi Ahad lalu.

FOTO: IQMAL HAQIM ROSMAN DAN ADZLAN SIDEK



Seremban

Mangsa mungkin cari sumber air

"Jika ada sungai, peluang untuk hidup masih ada," kata Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Seremban, Mohammad Idris mengenai Nora Anne Quoirin, 15, yang hilang di sebuah resort di Pantai di sini, sejak Ahad lalu.

Beliau berkata, kawasan sekitar resort berkenaan mempunyai banyak sumber air dan mampu memberi tenaga kepada mangsa untuk meneruskan hidup walaupun terputus bekalan makanan untuk tempoh tertentu.

Oleh itu, katanya, bomba tidak menolak kemungkinan mangsa akan mencari sumber air di kawasan sungai berdekatan.

"Secara logiknya, walaupun mangsa sudah empat hari hilang tetapi ada sungai berhampiran jadi peluang untuk hidup itu masih ada.

"Sebab itu, hari ini (semalam) operasi pencarian terumpu di sepanjang sungai untuk mengesan kemungkinan mangsa berada di kawasan (terbabit atau di celah batu)," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi kejadian di sini, semalam.

Seremban

Terlihat Nora main air kolam

Remaja warga Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, yang dilaporkan hilang pernah dilihat bermain air di kolam dekat anak sungai Gunung Berembun, Pantai di sini.

Mohd Atan Abdullah, 61, dari Kampung Pantai, mendakwa kehadiran remaja itu dilihat seorang lelaki yang juga pekerja resort berhampiran kira-kira jam 9 pagi Ahad lalu iaitu hari mangsa disedari hilang.

Mohd Atan yang juga anak jati kampung itu berkata, kedudukan kolam air berkenaan terletak kira-kira 600 meter dari tempat mangsa dan keluarga remaja itu menginap.

"Saya difahamkan, lelaki yang ternampak mangsa bermain air tidak mengetahui mengenai kehilangan mangsa sehingga kes itu dilaporkan media," katanya ketika ditemui di lokasi di sini, semalam.

Maklumat itu turut dikongsi Mohd Arif Samad, 60, yang juga dimaklumkan mengenai penemuan Nora Anne oleh lelaki berkenaan pada pagi Ahad.



keluarga mangsa berjalan menghala ke arah Gunung Berembun sambil ditemani wanita tempatan bagi mencari mangsa yang kehilangannya masuk hari keempat, semalam.